

## PERANAN NGO ISLAM DALAM MENANGANI AGENDA FEMINISME DI MALAYSIA

Norsaleha Mohd. Salleh

Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia. Tel: (60) 193341494. Email: [norsaleha@kuis.edu.my](mailto:norsaleha@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan meninjau peranan Wanita Ikatan Muslimin Malaysia (Wanita Isma), sebuah NGO Islam yang terlibat secara langsung dalam usaha menolak agenda feminisme di Malaysia. Gerakan feminisme merupakan antara agenda musuh bertujuan untuk merosakkan keperibadian dan jati diri wanita muslimah. Ia datang dalam bentuk serangan pemikiran, seruan kebebasan, kesamarataan gender dan kemanusiaan. Slogan ini berjaya menipu dan mengaburkan mata wanita muslimah sehingga dilihat benar dan nyata seumpama fatamorgana. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian tindakan sebagai metodologi dengan menggunakan Model Kajian Tindakan Kemmis & McTaggart. Kajian ini dilakukan berdasarkan empat langkah tindakan iaitu mereflek, merancang, bertindak dan memerhati. Dapatan menunjukkan penolakan ini ditonjolkan melalui Kempen Selamatkan Ummah (KSU), Kempen Tolak Comango, Kempen Muliamu Wanita Kerana Islam, Usrah Wanita, Fiqh Wanita serta melalui seminar dan konvensyen yang diadakan dari semasa ke semasa. Usaha penolakan juga diketengahkan melalui penulisan buku dan kenyataan balas terhadap golongan feminist dalam laman web wanita ISMA, laman buka buku, media ISMAweb serta media liberal seperti MalaysiaKini, Malaysia Insider dan lain-lain. Usaha yang dilakukan ini bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat Islam di Malaysia agar semakin peka dan sensitif bagi sama-sama mempertahankan jatidiri dan keperibadian wanita muslimah daripada terpengaruh dengan agenda golongan feminis.*

**Kata kunci:** ISMA, kesamarataan, Agenda, kebebasan, feminisme, kempen

## (THE ROLES OF ISLAMIC NGO IN DEALING WITH FEMINISM AGENDA IN MALAYSIA)

### ABSTRACT

*The study aims to survey the roles of Wanita Ikatan Muslimin Malaysia (Wanita ISMA) (Women of Muslim Association of Malaysia – ISMA Women), an Islamic NGO which efforts are directly involved in the repudiation of the feminist agenda in Malaysia. The feminism movement is among the agenda of the enemies of Islam aims to mutilate Muslim women's personalities and identity. It comes in the intellectual invasion, a call for freedom, gender equality, and humanity. Such slogans successfully created deception and delusion in the eyes of Muslim women like an oasis in the desert till they are viewed as genuine and evident. The study used an action research*

*approach by employing Kemmis & McTaggart Action Research Model. It was conducted based on four action steps: reflected, planning, taking action, and observing. The study outcomes showed that the repudiation was shown through Save the Ummah Campaign (SUC), Reject Comango Campaign, Women - Your Honour is because of Islam Campaign, Women Gathering, Women Fiqh, and as through seminars and conventions conducted from time to time. The repudiation efforts were also highlighted by writing books and counter statements towards feminist groups via ISMA Women's website, Facebook page, ISMAweb media, and other liberal media such as MalaysiaKini, Malaysia Insider, and so on. These efforts were made to provide awareness among the Muslim community in Malaysia so that they are more sensitive to come together to defend the identity and personality of Muslim women from being influenced by the agenda of the feminist groups.*

**Keywords:** *ISMA, equality, agenda, freedom, feminism, campaign*

Received: January 23, 2016

Accepted: March 16, 2016

Online Published: December 30, 2016

## 1. Pengenalan

Wanita merupakan setengah daripada bangsa ini. Mereka adalah elemen terpenting dalam hidup sesebuah bangsa kerana mereka merupakan institusi pertama yang melahirkan generasi muda. Nasib sesebuah bangsa dan hala tuju ummah bergantung kepada sejauh mana didikan yang diterima oleh seorang anak daripada ibunya. Wanita juga merupakan faktor utama yang mempengaruhi kehidupan pemuda dan kaum lelaki (Hasan al-Banna 2003). Agama Islam tidak pernah mengabaikan peranan dan kedudukan wanita yang begitu murni dan mulia. Islam adalah agama yang membawa petunjuk dan cahaya kepada manusia. Islam telah mengatur seluruh aspek kehidupan manusia dengan meletakkan dasar dan sistem hidup yang lengkap dan sempurna. Islam tidak pernah mengabaikan kaum wanita dan membiarkan mereka terumbang-ambing mencari nilai dan harga diri.

Islam telah mengangkat darjat wanita dan menjadikannya setaraf dengan kaum lelaki dari segi hak dan tanggungjawab (Norsaleha 2015). Mereka adalah rakan kongsi dan saudara kepada kaum lelaki. Malah al-Quran menegaskan bahawa lelaki-lelaki beriman dan wanita-wanita beriman adalah saling bergantung dan tolong menolong antara satu sama lain dalam melakukan amar makruf dan nahi mungkar (al-Taubah 9:71). Islam mengiktiraf sepenuhnya hak-hak asasi wanita, hak-hak mereka dalam aspek kemasyarakatan dan politik. Islam melayan wanita sebagai manusia yang sempurna, manusia yang mempunyai hak dan tanggungjawab. Sekiranya mereka menunaikan hak dan tanggungjawab tersebut mereka akan diberi ganjaran dan balasan yang sama dengan kaum lelaki (al-Nahl 16: 97).

Wanita dan lelaki diciptakan Allah SWT dengan fungsi dan tanggungjawab yang berbeza. Perbezaan fungsi dan tanggungjawab ini dapat dilihat dari sudut kejadian fizikal dan psikologi antara mereka. Perbezaan ini membawa kepada perbezaan dalam menentukan hak dan tanggungjawab antara lelaki dan wanita. Setiap mereka hendaklah melaksanakan hak-hak dan tanggungjawab yang telah difitrahkan ke atas mereka (Norsaleha 2015). Perbezaan hak dan tanggungjawab bukan bererti berlakukannya ketidakadilan dan diskriminasi antara wanita dan lelaki malah menunjukkan kepada keindahan ciptaan Allah swt yang saling melengkapi antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, muncul gerakan asing yang berusaha menjauhkan

wanita daripada hakikat kejadiannya yang sebenar dan mempromosi satu gaya hidup yang bebas daripada ikatan agama dan adat ketimuran. Gerakan ini muncul di Barat akibat daripada tekanan politik dan sosial masyarakat, kemudiannya berjaya menyerap masuk ke dunia Islam melalui penjajahan, serangan pemikiran dan sistem pendidikan. Gerakan yang membawa slogan kebebasan dan kesamarataan gender ini berjaya mempengaruhi wanita Islam yang lemah daripada ikatan agama (al-Silmy 2009). Kumpulan ini bergerak secara bebas di Malaysia dengan menggunakan nama Islam dan mendakwa perjuangan mereka adalah untuk membebaskan wanita Islam dari belenggu undang-undang Islam. Ideologi pembebasan wanita ini lebih dikenali sebagai gerakan feminisme, mengambil nama daripada perjuangan wanita Barat bagi membebaskan wanita daripada belenggu gereja.

## **2. Refleksi Feminisme**

Perkataan feminisme adalah istilah yang dipopularkan oleh aktivis wanita di Barat yang berjuang untuk membebaskan wanita daripada belenggu diskriminasi dan mencapai layanan yang sama rata dengan kaum lelaki. Dalam hal ini feminisme dihuraikan oleh The New Encyclopedia Britannica sebagai;

*“the belief, largely originating in the West, in the social, economy and political equality of the sexes, represented worldwide by various institutions committed to activity on behalf of women’s rights and interests.”*

Maksudnya, feminisme adalah kepercayaan yang bersumberkan Barat, tentang kesamarataan gender dalam aspek sosial, ekonomi dan politik, dan kepercayaan ini diwakili oleh berbagai institusi yang komited ke arah memperjuangkan hak wanita dan kepentingan mereka.

Perjuangan wanita di Barat yang mahu membebaskan diri mereka daripada dibelenggu dengan berbagai peraturan yang membezakan hak mereka dengan kaum lelaki itu sesuatu yang wajar. Ini kerana layanan yang diberikan terhadap kaum wanita di Barat bertentangan dengan fitrah kejadian manusia itu. Mereka tidak diberi hak bersuara, hak mengundi, hak memegang jawatan awam, tiada jaminan sosial, hak pendidikan dan lain-lain lagi (Abdul Karim 2005). Sewajarnya wanita di Barat menuntut hak kebebasan dan kesamarataan gender itu memandangkan layanan buruk yang diterima oleh mereka. Perjuangan feminisme ini mendapat perhatian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu apabila menubuhkan *Comission of the Status of Women (CSW)* pada tahun 1946. Pada tahun 1980 satu deklarasi dikeluarkan menerusi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Perempuan (*Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women/ CEDAW*).

Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia telah melakukan reservasi kepada beberapa artikel yang terdapat dalam CEDAW kerana dianggap bercanggah dengan pengamalan Syariah di Malaysia. Artikel yang mendapat reservasi ialah 9(2), 16(1) a, c, f dan g (Rafidah 2015).

### **2.1 Sejarah Kemunculan Gerakan Feminisme**

Kemunculan Gerakan feminisme daripada kalangan wanita Islam bermula seawal abad ke 21 yang dipelopori oleh seorang aktivis wanita berbangsa Arab Mesir yang bernama Huda Sya’rawi yang membentuk sebuah pertubuhan *Al-Ittihad Al-Nisa’i Al-Misri* (The Egyptian Feminist Union) pada tahun 1923. Menurut Muhammad Ariffin (2012) sikap kekejaman dari Barat ini akhirnya menuntut kebebasan tanpa had

terhadap wanita dan homoseksual. Tuntutan kebebasan wanita dan homoseksual hanya sesuai pada masyarakat Barat yang mempunyai sejarah penindasan terhadap kedua golongan ini, tetapi sama sekali tidak berasas dalam masyarakat Timur, yang menghargai wanita seperti masyarakat Muslim. Sejak tahun 1990-an, gerakan feminisma Barat mulai mempengaruhi sarjana dan pemikir Muslim. Gerakan feminisme dalam masyarakat Muslim yang pertama muncul di Mesir, dengan terbentuknya *Al-Ittihad Al-Nisa'i Al-Misri* (The Egyptian Feminist Union) pada tahun 1923 yang didirikan oleh Huda Shaarawi.

Rafidah (2015) dalam kajiannya mempertikaikan dakwaan Joint Action Group (JAG) yang berpusat di Malaysia yang menafikan peranan Barat dalam mempengaruhi gerakan Feminisme di Timur melalui aktivisme Huda Shaarawi. Menurut beliau pengaruh Barat terhadap ideologi feminisme wanita Islam ini boleh diperhatikan melalui pernyataan dalam laman web <http://www.amazingwomeninhistory.com/huda-shaarawi-egyptian-feminist/> seperti berikut:

*“With her unique blend of western-style feminism with her own country’s customs, culture, and Egyptian nationalism, Huda Shaarawi influenced millions of Arab women and people all around the world.”*

Sifat feminisme yang berlawanan dengan kehendak Islam telah digambarkan dengan peristiwa di mana Huda Shaarawi, sekembalinya beliau dari *International Woman Suffrage Alliance Congress* di Rom dalam tahun 1923, menanggalkan hijab beliau seurus turun dari keretapi bagi melambangkan kebangkitan feminisme di Mesir (Rafidah 2015). Malahan fakta membuktikan bahawa gerakan feminisme ini yang pada mulanya adalah gerakan sekelompok aktivis wanita Barat yang kemudiannya menjadi kajian akademik, telah diberi pengiktirafan dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dengan mengeluarkan *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)* yang kini menjadi platform perjuangan setiap gerakan feminisma walaupun di rantau Timur, sedangkan ia berasaskan permasalahan di Barat (Abdul Karim 2009).

Secara kontekstualnya gerakan feminisme ini berusaha untuk membebaskan diri mereka daripada belenggu agama dengan mendakwa peraturan agama itu menzalimi kaum wanita dan menindas kebebasan wanita. Menurut al-Silmi (2009) ideologi kebebasan ini mula muncul di sebelah Barat pada zaman renaissance pada kurun ke 15 Masihi. Aliran ini muncul sebagai tindakbalas terhadap kekejaman dan kerakusan yang dilakukan oleh pihak gereja dan penguasa kerajaan ketika itu. Akibatnya, muncul seruan kebebasan daripada sebarang ikatan agama dan peraturan yang menyusahkan kehidupan rakyat. Gerakan ini semakin membesar dan berkembang sehingga akhirnya menjadi satu agenda baru kepada kuasa Barat untuk melebarluaskan kefahaman ini ke dalam budaya dan masyarakat Islam. Akhirnya aliran ini menjadi satu agenda penjajahan Barat ke atas dunia Islam yang bertujuan mahu menguasai dunia seluruhnya.

Kemunculan gerakan feminisme di Barat diakui oleh Muhammad Ariffin (2012) yang berpendapat gerakan feminisma muncul dari hakikat masyarakat Barat yang memandang rendah terhadap kedudukan wanita. Pakar sejarah Barat, Philip J Adler (2000) mengatakan sehingga abad ke 17, wanita dianggap sebagai jelmaan syaitan, atau alat syaitan menggoda wanita. Dalam kitab Bible, terdapat banyak ayat yang memberikan gambaran merendahkan kaum wanita. Beberapa ayat dipetik daripada Bible:

**Jadual 1.** Ayat Bible yang merendahkan kaum wanita

Nama surah	Ayat bible	Terjemahan
Sirach 42: 14	<i>A man's wickedness is better than a woman who does good and a disgraced woman who brings shame.</i>	Kejahatan lelaki lebih baik dari kebajikan perempuan, dan perempuanlah yang mendatangkan malu dan nista
Sirach 25: 24	<i>Sin began with a woman, and because of her all of us die.</i>	Permulaan dosa dari perempuan dan kerana dialah kita semua mesti mati
Corinthians 14:34-35	<i>the women should keep silent in the churches. For they are not permitted to speak, but should be in submission, as the Law also says. If there is anything they desire to learn, let them ask their husbands at home. For it is shameful for a woman to speak in church.</i>	Perempuan harus tutup mulut di gereja, tiada hak untuknya bersuara dan bertanya dalam satu Jemaah. Jika harus bertanya tentang sesuatu yang belum difahami, dia harus bertanya kepada suaminya di rumah

Dalam jadual 1 di atas menunjukkan gambaran tentang status seorang wanita dalam Bible. Pandangan seumpama inilah yang mengakibatkan wanita Barat memberontak dan menuntut keadilan yang sebenarnya. Sedangkan perkara seumpama ini tidak berlaku kepada wanita Islam kerana Islam memandang tinggi status dan kedudukan wanita, malah menganggap wanita itu saudara kepada kaum lelaki. Menurut Abdul Karim (2005) pada abad pertengahan, gereja berperanan sebagai pusat kekuasaan dan politik yang menyebabkan wanita turut dipandang rendah dari sudut politik. Revolusi Perancis dalam tahun 1789 meledak atas dasar tidak puas hati rakyat kebanyakan ke atas kekuasaan gereja yang menindas. Perjuangan kebebasan atas dominasi gereja dan Raja juga memberi pengaruh besar kepada gerakan wanita ketika itu. Mereka memanfaatkan gerakan politik itu sebaik-baiknya.

Mary Wollstonecraft (1759-1797) seorang berbangsa Yahudi merupakan antara pelopor feminisme yang dilahirkan di Kota London. Menurut Mary kerosakan psikologi wanita akibat terlalu bergantung ekonomi kepada lelaki dan pemencilan peranan wanita dalam masyarakat. Wanita bukanlah alat atau instrument untuk kebahagiaan lelaki. Secara realitinya tidak pernah wujud persamaan dan kebebasan kepada wanita. Berdasarkan sebab ini, Mary menyeru kepada penghapusan struktur keluarga yang mengekang kemajuan seorang wanita.

Betty Frieden (1921-2006) seorang Yahudi yang dilahirkan di Illinois, Amerika Syarikat merupakan presiden pertama Pertubuhan Wanita Kebangsaan (National Organization for Woman). Beliau juga merupakan pejuang lesbian, gay, biseksual dan transgender ( LGBT) dan pelopor Gerakan Androgini ataupun Kesamaratan Gender. Buku beliau yang berjudul *The Feminine Mystique* menjadi rujukan para aktivis feminisme. Dalam buku tersebut beliau ada menggambarkan satu impian untuk melihat wanita menikmati kebebasan daripada belenggu kehidupan rutin harian mereka:

*“Saya mengimpikan wanita dalam berbagai-bagai aksi yang berbeza, beberapa wanita pada saat itu tidak akan memasak sedangkan yang lain sedang berdialog dengan suami mereka. Wanita akan keluar menunjukkan perasaan di seluruh negara sehingga berjaya menekan anggota kongres Senator untuk meluluskan undang-undang yang mengiktiraf peranan wanita”.*

Kajian yang dilakukan oleh Rafidah (2015) menunjukkan gerakan feminisma meluaskan lagi konsep kesetaraan gender kepada kelamin (sex) yang merujuk kepada anatomi dan biologi dan juga gender yang merujuk kepada dipengaruhi oleh sosial, budaya, agama dan hukum. Di Amerika Syarikat, Gerakan Feminisme Lesbian mula bertapak pada tahun 1970-an, dan dinamakan gelombang kedua feminisme. Walaupun pada mulanya ada pejuang feminisme yang tidak mengamalkan lesbianisme, memisahkan diri dari gerakan ini, tetapi arus persamaan gender yang ditakrifkan seperti di atas terlalu hebat menyebabkan hampir semua gerakan feminisme hari ini turut memperjuangkan amalan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

Begitu juga sikap memberikan hak yang sama kepada pengamal LGBT, teori feminisme radikal menyatakan bahawa persamaan hak lelaki dan perempuan adalah termasuk hak sosial dan hak seksual. Jika kepuasan seksual dapat diperolehi dengan perhubungan sesama jenis (homoseksual), maka itu adalah hak yang patut diraikan sebagaimana perhubungan lelaki-perempuan (heteroseksual). Bagi gerakan feminisme, seorang wanita tidak boleh mempunyai kebergantungan hidup kepada lelaki baik dalam soal keperluan hidup, ekonomi, politik hinggalah kepada kepuasan seksual. Sikap memberikan hak kepada golongan homoseksual juga berpunca dari tindak tanduk kekejaman masyarakat Barat terdahulu terhadap kaum homoseksual. Alat-alat penyiksaan zaman lama yang dikatakan direstui oleh pihak gereja dan masyarakat silam telah didokumentasi di dalam buku Robert Held (1985), yang turut digunakan bagi menyiksa pelaku homoseksual. Dilaporkan juga lebih 100,000 pelaku homoseksual ditangkap dan disiksa dalam peristiwa Holocaust (penghapusan etnik Yahudi oleh bangsa Nazi, Jerman).

Antara nama-nama terawal wanita Islam yang mempromosikan ideologi feminisme ialah Huda Sha'rawi (Mesir, 1879-1947), Aisyah Tamymuriyah (Mesir, 1840-1902), Zainab Fawwaz (Lebanon, 1846-1914), Malak Hifni Nasif (Mesir, 1886-1918), Nabawiyah Musa (Mesir, 1886-1950) dan Fatma Aliye (Turki, 1862-1936). Gerakan Feminisme dalam kalangan wanita Islam ini berkembang dan membentuk pelapis baru yang terdiri daripada Amina Wadud (Amerika Syarikat), Fatimah Naseef (Arab Saudi), Fatimah Mernissi (Morocco), Hidayat Tuskal (Turki), Aziza al-Hibri dan Shaheen Sardar Ali (United Kindom), Irsyad Manji (Amerika Syarikat), Siti Musdah Mulia (Indonesia) dan Zainah Anwar (Malaysia).

## **2.2 Ideologi Feminisme di Malaysia**

Ideologi perjuangan feminisme di Malaysia menonjol apabila muncul pandangan yang mempertikaikan keadilan undang-undang hudud ke atas wanita (<http://www.malaysiakini.com/letters/178010>), bantahan terhadap wanita yang dihukum sebab kerana melakukan sumbang mahram (<http://www.malaysiakini.com/news/233216>), menyokong kebebasan menukar agama bagi muslim (<http://www.malaysianinsider.com/bahasa/article/sis-kebebasan-beragama-termasuk-menukar-agama>), menyokong wanita Islam menyertai pertandingan ratu cantik dan mempertikaikan sistem fatwa di Malaysia

(<http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2013/07/23/procedure-for-legislating-fatwas-questioned/>), menuntut hukuman khalwat dimansuhkan (<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/g25-mahu-hukuman-khalwat-dimansuh-1.166423>).

### 3. Plan Menghadapi Agenda Feminisme

Seringkali muncul persoalan nakal daripada umat Islam sendiri tentang kewajaran mendedahkan usaha jahat orang-orang kafir dan munafik kepada umum. Pendedahan seumpama ini wajar dilakukan bagi memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada umat Islam tentang ancaman dan bahaya yang mereka hadapi. Secara langsung pendedahan ini membantu umat Islam membuat persediaan bagi menghadapi ancaman dan cabaran musuh (al-Imam 2001). Firman Allah dalam surah al-An'am ayat 55;

وَكَذَلِكَ نَفْصِلُ الْآيَاتِ وَلِتَسْتَبِينَ سَبِيلَ الْمُجْرِمِينَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya;

*Dan demikianlah Kami terangkan ayat-ayat Al-Quran satu persatu (supaya jelas jalan yang benar) dan supaya jelas pula jalan orang-orang yang berdosa.*

#### 3.1 Dua sebab kenapa kejahatan mereka wajib didedahkan

Terdapat dua sebab utama kepada kejahatan feminisme dan liberalisme perlu didedahkan kepada pengetahuan umum. Pendedahan seumpama ini diharap boleh membuka mata dan menyedarkan wanita muslimah tentang bahaya yang boleh merosakkan keperibadian muslimah itu sendiri.

##### 3.1.1 Mencontohi metod al-Quran

Mengambil metod yang dilakukan al-Quran al-Karim terhadap golongan kafirun dan munafikun. Pendedahan Surah al-Taubah (9: 58-59) tentang kejahatan golongan kafir dan munafik menjadi tamparan hebat kepada mereka kerana Allah SWT mendedahkan satu persatu perancangan dan sikap golongan ini sehingga para sahabat merasakan al-Quran menyebut semua orang munafikun pada waktu itu tanpa tercicir pun (al-Imam 2001). Berikut adalah dua ayat al-Quran al-Karim yang menegaskan kepentingan mendedahkan kejahatan, firman Allah SWT surah al-Anbiya' ayat 18;

وَمَا جَعَلْنَاهُمْ جَسَدًا لَا يَأْكُلُونَ الطَّعَامَ وَمَا كَانُوا خَالِدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya;

*Bahkan Kami sentiasa mengarahkan yang benar menentang yang salah, lalu dia menghancurkannya, maka dengan serta-merta hilang lenyaplah ia dan (tetaplah) kecelakaan akan menimpa kamu disebabkan apa yang kamu sifatkan (terhadap Kami).*

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 81;

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَرَهَقَ الْبَاطِلُ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا ﴿٨٦﴾

Maksudnya;

*Dan katakanlah: Telah datang kebenaran (Islam) dan hilang lenyaplah perkara yang salah (kufur dan syirik); sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap.*

### 3.1.2 Memelihara jatidiri muslimah daripada rosak

Pendedahan juga penting bagi memelihara keperibadian muslimah daripada dirosakkan oleh agenda musuh. Firman Allah dalam surah al-Hajj ayat 40;

الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبَّنَا اللَّهُ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَهَدِمَتْ صَوَامِعُ وَبِيْعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

Maksudnya;

*Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: Tuhan kami ialah Allah dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani) dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamaNya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.*

## 4. Mendepani Agenda Feminisme Acuan Barat

Wanita merupakan aset yang amat bernilai dan tenaga penggerak kemajuan. Wanita merupakan benteng pertahanan moral dalam masyarakat yang berubah dan sering dilanda kegawatan dan kemelut sosial. Wanita menjadi sumber inspirasi dan kasih sayang serta pembinaan masyarakat penyayang. Peranan wanita sangat penting dan dipertahankan oleh masyarakat Timur demi kestabilan institusi keluarga daripada tergugat dan runtuh seperti yang berlaku dalam kalangan masyarakat Barat (Abd. Rahim 1998). Rasulullah SAW ketika mengerjakan haji wida' telah meninggalkan pesanan yang begitu menikam kalbu para sahabat ketika itu. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud; Aku berpesan agar kamu melayan kaum wanita dengan baik (HR Bukhari dan Muslim). Begitu juga hadis Rasulullah SAW yang bermaksud; Sekiranya kamu berpegang kepada al-Quran dan Sunnahku, kamu tidak akan sesat selamanya (HR Abu Daud dan Ibn Majah). Islam muncul dalam kalangan manusia yang banyak melakukan amalan yang sesat baik dari segi akidah mahupun dari segi sosial dan tingkah laku (al-Silmy 2009).

Sejarah menceritakan bagaimana keadaan kaum Arab yang terdiri daripada berbagai-bagai qabilah terlibat dengan penyembahan berhala, membunuh anak perempuan, bermusuhan sesama sendiri, menipu dan mengamalkan riba, rumah

pelacuran dan berbagai-bagai kejahatan yang melingkari kehidupan pada waktu itu (al-Buty 1991). Sentuhan didikan Rasulullah SAW yang mengajak manusia kembali kepada Tuhannya, beriman kepada Allah Taala dan rasulNya, menerima kewujudan malaikat dan hari akhirat serta akur dengan ketentuan qada' dan qadar yang ditentukan Allah kepada hambaNya menjadi asas dan benteng kepada kehidupan manusia ketika itu. Rasulullah SAW telah berjaya mengubah satu kumpulan masyarakat yang kasar, berdendam, penipu, pelacur kepada sebuah masyarakat yang penyayang, lemah lembut, pemaaf, jujur dan berintegriti, menghormati wanita dan mengangkat darjat dan kedudukan kaum wanita.

Dalam mendepani cabaran sosial kaum wanita terbahagi kepada tiga kumpulan yang besar. Kumpulan pertama yang terlibat dengan masalah sosial dan terpengaruh dengan dakyah dan propaganda Barat sehingga mereka menjadi penyumbang besar dalam masalah sosial dan kejatuhan moral wanita Islam di Malaysia. Kumpulan kedua ialah golongan wanita yang tidak mempedulikan apa yang berlaku disekeliling mereka. Prinsip mereka, selagi mereka hidup senang, selesa dan damai dengan keluarga dan anak-anak, mereka tidak kisah dengan apa jua bahaya yang menandatangani anak-anak mereka dan keluarga mereka selamat. Kumpulan ketiga ialah kaum wanita yang prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh kaum mereka, walau pun masalah itu bukan masalah keluarga mereka, bukan masalah anak-anak mereka, bukan masalah saudara mara mereka, tetapi mereka terpenggil untuk menyumbang tenaga, memberi kesedaran dan kefahaman kepada kumpulan pertama dan kedua peri pentingnya kesedaran dan kefahaman Islam dihayati bersama dan dikongsi dengan orang lain. Agar keselamatan dan kesejahteraan itu boleh dikongsi dengan semua orang (Norsaleha 2010).

Usaha untuk melawan arus feminisme hendaklah bermula daripada pembentukan peribadi muslimah seorang wanita dengan ajaran Islam yang sebenar. Mohd Qutb pernah membayangkan betapa pentingnya peranan wanita yang solehah dalam menjamin kesejahteraan generasi dan keturunan (Mohamad Qutb 2003);

*Seorang anak yang rosak boleh menjadi baik sekiranya mendapat pengasuhan dari seorang ibu yang baik. Sebaliknya seorang ibu yang rosak akhlakunya hanya boleh melahirkan generasi yang rosak akhlakunya. Sebab inilah merosakkan wanita muslimah menjadi antara agenda musuh.*

## **5. Pengalaman Wanita ISMA Mendepani Feminisme**

Wanita ISMA adalah sayap wanita yang bergerak dalam Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), sebuah NGO yang berdaftar sebagai pertubuhan bukan kerajaan (Norsaleha dan Abdullah Zaik 2011). Berpegang kepada Akidah Ahli Sunnah Waljamaah, wanita ISMA menolak sebarang usaha yang cuba mencairkan jatidiri wanita muslimah. Wanita ISMA berjuang untuk membangunkan jatidiri dan mempertahankan jatidiri wanita agar selari dengan tuntutan agama dan kehendak maqasid syara. Sekitar tahun 2010 pandangan yang mempertikaikan kewajipan bertudung untuk wanita muslimah disuarakan secara berani dalam media sosial oleh individu-individu tertentu dan mendapat sokongan daripada sesetengah anak muda yang menjadi pengguna setia laman sosial. Dalam waktu yang sama, usaha mempertikaikan kewibawaan mahkamah syariah dan jabatan agama Islam wujud dalam kalangan wanita yang mendokong feminisme Barat ini. Wanita ISMA berpendapat, usaha ini perlu ditolak dan masyarakat perlu mendapat penjelasan yang betul tentang agama Islam itu sendiri.

Feminisme Barat menyeru kepada kehidupan yang bebas daripada ikatan agama dan tatasusila adab Islami. Manakala Islam menyeru kepada mentauhidkan Allah SWT dan menjadi hamba Allah yang melaksanakan suruhan dan perintahnya (al-Silmy 2009). Suara yang mempersoalkan keadilan undang-undang hudud ke atas wanita dan bantahan terhadap hukuman sebat yang dikenakan oleh mahkamah syariah terhadap pesalah yang melakukan sumbang mahram begitu lantang di media sosial. Mereka mempersoalkan hukum sebat kepada wanita yang didapati bersalah minum arak, walaupun wanita terlibat menerima hukuman itu dengan lapang dada. Golongan ini juga menyokong wanita muslimah menyertai pertandingan ratu cantik, malah mereka mempertikaikan sistem fatwa yang melarang penglibatan wanita muslimah dalam pertandingan tersebut. Mereka juga secara terang menyokong kebebasan beragama dan menukar agama bagi orang-orang Islam walaupun ia bertentangan dengan perlembagaan di Malaysia dan agama Islam itu sendiri. Begitu juga mereka mendakwa bahawa berhijab bagi wanita muslimah bukanlah satu kewajipan malah merupakan satu budaya daripada Negara Arab. Pandangan ini menjadi kuat kerana sokongan media liberal yang aktif mempromosi pandangan ini dan mendapat sokongan padu daripada wanita-wanita berpengaruh dalam politik dan ahli politik sendiri. Pandangan seumpama ini sekiranya tidak ditangani dengan bijak akan berupaya mempengaruhi masyarakat umum terhadap keindahan Islam yang sebenar.

Sepanjang tahun 2014, Wanita ISMA melaksanakan program pendidikan dan kemasyarakatan yang bertujuan memberi kesedaran dan kepekaan untuk mempertahankan jatidiri wanita Muslimah. Sekaligus mendedahkan wanita muslimah terhadap agenda asing seperti feminisme yang boleh mengganggu proses pembangunan jatidiri itu sendiri. Wanita ISMA bertanggungjawab memberikan penjelasan yang sebenar tentang keindahan Islam dan mendidik masyarakat dengan kehidupan Islam yang syumul. Atas kesedaran itu, wanita ISMA mengaturkan langkah mengesani masyarakat dengan dakwah dan tarbiyah yang menyeluruh. Antara program yang dilaksanakan ialah Konvensyen Wanita Islam Nasional, Usrah Wanita, Fik Wanita, Kerana Aku Isteri Dia dan Kempen Muliamu Wanita.

### 5.1 *Konvensyen Wanita Islam Nasional (KONWANIS)*

Konvensyen Wanita Islam Nasional (KONWANIS) adalah satu usaha yang dilakukan untuk mengumpul aktivis wanita Islam di seluruh Malaysia. Ia bertujuan menarik perhatian wanita Islam seluruh negara terhadap isu-isu kewanitaan dan permasalahan wanita secara umumnya. KONWANIS adalah medium yang digunakan oleh Wanita ISMA dalam menyampaikan mesej kepada golongan wanita secara umum tentang agenda feminisme yang merosakkan identiti dan jatidiri wanita muslimah. Dalam waktu yang sama KONWANIS juga bertanggungjawab mendedahkan kepada masyarakat umum tentang keluhuran Islam dan kepentingan kembali kepada jatidiri wanita muslimah. KONWANIS telah berjaya dilaksanakan sebanyak lima kali semenjak tahun 2005 sehingga tahun 2014 dengan membawa tema seperti dalam jadual 2.

**Jadual 2** Konvensyen Wanita Islam (KONWANIS) dalam tempoh 10 tahun

Bil	Tema	Tahun	Tempat	Kehadiran
1	Dakwah Berkesan Masyarakat Sejahtera	2005	Niosh, Bandar Baru Bangi, Selangor	150
2	Keluarga Dakwah	2007	Cherating, Pahang	250
3	Jiwa Tenang Hidup	2009	Intekma, UiTM,	450

4	sejahtera Wanita Mendepani Cabaran PascaModen	2010	Selangor Politeknik Dickson, Sembilan	Port Negeri	1000
5	Muliamu Wanita Kerana Islam	2014	MMU, Cyberjaya		3000
6	International Muslimah Empowerment Conference (IMEC)	2015	De Palma, Ampang		250

## 5.2 *Usrah Wanita*

Usrah Wanita diperkenalkan kepada umum pada tahun 2013. Program ini dilaksanakan di seluruh cawangan ISMA oleh aktivis wanita. Ia bertujuan untuk mendidik wanita dengan nilai kewanitaan dan peranan yang perlu dimainkan sebagai hamba Allah di muka bumi ini. Usrah ini juga dilaksanakan bagi menjawab persoalan dan keraguan yang ditimbulkan oleh golongan feminisme terhadap peranan dan tanggungjawab seorang wanita muslimah. Usrah wanita menggunakan Modul Wanita Solehah karangan Abu Ala al-Maududi dan buku Wanita dalam al-Quran karangan Syeikh. Jadual 3 di bawah menunjukkan kekerapan pelaksanaan Usrah Wanita di seluruh negara sepanjang tahun 2014.

**Jadual 3** Kekerapan Pelaksanaan Usrah Wanita di seluruh negara

Bil	Cawangan	Kekerapan	Jumlah kehadiran	Total
1	Kuantan	30 x	20 x 30	600
2	Kota Kinabalu	30 x	35 x 30	1050
3	Alor setar	10 x	30 x 10	300
4	Melaka	12 x	60 x 12	720
5	Samarahan	8x	160 x 8	1280
6	Seri Iskandar	16x	30 x 16	480
7	Seremban	10x	40 x 10	400
8	Kuala Lumpur	6x	40 x 6	240
9	Klang	12x	30 x 12	360
10	Seberang perai utara	8x	30 x 8	240
11	Sarawak	6x	25 x 6	150
12	Kuala kangsar	8x	15 x 8	120
13	Kajang	2x	20 x 2	40
14	Port Dickson	12x	30 x 12	360
15	Johor	15x	30 x 15	450
16	Ipoh	15x	30 x 15	450
17	Sungai Petani	4x	20 x 4	100
18	Gombak	18x	7 x 18	124
19	Kemaman	5x	100 x 5	500
20	Jitra	1x	30 x 1	30
21	Daerah hulu langat	13x	13 x 13	169
22	Pasir Puteh	10x	10 x 10	100
23	Kuching	12x	50 x 12	600
24	Kuala Terengganu	5x	20 x 5	100
25	Dungun	6x	15 x 6	90

26	Kemaman	6x	20 x 6	120
27	Kangar	5x	15 x 5	75
Total				8798

### 5.3 *Kempen Muliamu Wanita*

Wanita ISMA juga melancarkan kempen Muliamu Wanita kerana Islam melalui kempen Jom Tutup Aurat, Say no to Valentine Day, kempen hidup sihat dan jauhi zina pada waktu tahun baru dan hari kemerdekaan di setiap tahun. Pada tahun 2014 sasaran kempen dilakukan di taman-taman perumahan, pusat beli belah dan tempat rekreasi awam. Pada tahun 2014 Wanita ISMA berjaya mengedarkan sejumlah 41,100 keping risalah kempen kepada rakyat Malaysia. Jadual 4 di bawah menunjukkan kempen Muliamu Wanita di setiap cawangan.

**Jadual 4** Kempen Muliamu Wanita di Cawangan

Bil	Cawangan	Jenis kempen	Tempat	Risalah
1	Kuantan	Say no to valentine	Sekolah & awam	400
2	Kota kinabalu	Say no to valentine	Taman, pantai & awam	350
3	Alor setar	Say no to valentine	Sekolah & awam	2400
4	Melaka	Say no to valentine	Ipt, sekolah & awam	3000
5	Samarahan	Jom tutup aurat (2x), Say no to valentine (2x)	Awam	300
6	Seri iskandar	Say no to valentine, jauhi zina	Sekolah, perumahan, pasaraya	800
7	Seremban	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Sekolah, ipt, stesen bas, pasaraya & awam	2000
8	Kuala lumpur	Jom tutup aurat (2x), Say no to valentine (2x)	Ipt, stesen komuter, pasaraya	1000
9	Klang	Jom tutup aurat	Pasaraya, taman, sekolah	400
10	Seberang Perai Utara	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Awam, stesen bas, pasaraya, ipt-ipt, sekolah-sekolah	6000
11	Sarawak	Juahi zina (2x)	Sekolah, awam, pasaraya, ipt, program umum	5000
12	Kuala kangsar	Say no to valentine, jom tutup aurat, Jauhi zina	Masjid, sekolah, pasar, perumahan	1000
13	Kajang	Say no to valentine, jauhi zina	Masjid, sekolah, pasar, perumahan	500
14	Port dickson	Jom tutup aurat, Jauhi zina	Asrama sekolah	1000
15	Johor	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Tempat awam, ipt, sekolah	1500

16	Ipoh	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Padang polo, pasaraya, perumahan	500
17	Sungai petani	Jauhi zina (2x)	Tmn jubli sp aman	700
18	Gombak	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Tempat awam, ipt, sekolah	5000
19	Kemaman	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Tempat awam, ipt, sekolah	1500
20	Jitra	Jauhi zina (2x)	Tempat awam, ipt, sekolah	500
21	Daerah Hulu Langat	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Talkshow pesta buku putrajaya,	1000
22	Pasir Puteh	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Umk, pasaraya, taman di kok lanas	600
23	Kuching	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Tempat awam, ipt, sekolah	3000
24	Kuala Terengganu	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Tempat awam, ipt, sekolah	1000
25	Dungun	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Tempat awam, ipt, sekolah	500
26	Kemaman	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Tempat awam, ipt, sekolah	500
27	Kangar	Say no to valentine (2x), jom tutup aurat, jauhi zina	Tempat awam, ipt, sekolah	700
Total				41100

Menyedari tentang hasrat masyarakat yang mahu melihat penglibatan wanita ISMA secara lebih dekat dalam kehidupan mereka, ahli-ahli dalam kalangan Wanita ISMA telah mengusahakan berbagai-bagai institusi pendidikan. Tujuannya adalah untuk menunjukkan keprihatinan dan usaha para ahli wanita ISMA untuk membantu masyarakat dengan pendidikan yang berorientasikan Islam yang syumul. Jadual 4 menunjukkan statistik Institusi Pendidikan yang diuruskan oleh ahli-ahli wanita ISMA pada tahun 2014.


**Jadual 5** Statistik Institusi Pendidikan 2014

Bil	Institusi	Jumlah
1	Hadanah / Taska	23
2	Tadika	58
3	Sekolah Rendah	04
4	Sekolah Tahfiz	25
5	Kelas agama dan Fardu Ain (KAFA)	42

6	Sekolah Menengah	02
7	Pusat Jagaan Warga Emas	02
Total		156 buah

Kemunculan suara lantang yang membicarakan isu feminisme dalam kalangan pejuang feminisme dia Malaysia mendorong Wanita ISMA merancang melahirkan tokoh-tokoh wanita yang berani menyatakan kebenaran dan bangkit menjelaskan kepada umat tentang kesilapan dan kesesatan golongan feminisme dan liberalisme ini. Tokoh-tokoh wanita ini diketengahkan melalui pentas seminar, konvensyen, tulisan dan kenyataan media yang dimuat turun melalui You Tube, website, face book, blog dan tweeter. Kelantangan suara dan tulisan wanita ISMA menolak agenda feminisme dan liberalisme di media menarik perhatian media liberal dalam dan luar negara.



**Jadual 6** Statistik capaian Wanita ISMA dalam media

Bil	Media	Jumlah likers
1	Portal Islam dan Melayu	146k
2	Sinar Harian	2.03 juta
2	MalaysiaKini	981k
3	Malaysian Insider	313k
4	Free Malaysia Today	305k
5	Harakah Daily	101k
6	Rakyat Post	353k
7	MobTV.Com	34k
8	Blog Helen Ang	5.73 juta

Tujuan Wanita ISMA menjawab persoalan-persoalan dan kekeliruan yang diutarakan oleh golongan feminisme dan liberalisme adalah untuk mendidik masyarakat tentang kebenaran yang perlu diketahui tentang Islam. Selain bertujuan mendidik masyarakat, Wanita ISMA juga mahu menyatakan kepada golongan feminis bahawa masih ada suara yang akan terus mempertahankan kebenaran dan jatidiri wanita muslimah.

## 6. Penutup

Feminisme Barat adalah agenda terancang musuh bagi merosakkan jatidiri dan identiti wanita muslimah. Sehubungan dengan itu, wanita muslimah perlu dipersiapkan dengan ilmu pengetahuan dan ilmu agama yang mencukupi bagi menghadapi tentangan feminisme. Ilmu agama mampu memandu wanita muslimah daripada terpengaruh dengan tipu daya dan pemikiran yang boleh merosakkan keperibadian muslimah. Ilmu pengetahuan juga boleh mengubah wanita menjadi semakin bijak dan

celik apabila berhadapan dengan cabaran semasa. Betapa pentingnya wanita muslimah mempertahankan jatidiri sebagai benteng dan sumber kekuatan umat Islam. Wanita merupakan kekuatan umat Islam. Baik wanita baiklah umat, rosak wanita rosaklah umat. Justeru itu, penting bagi wanita mengenali musuh dan cabaran luar agar wanita mempunyai persediaan dan strategi apabila mendepani musuh yang sentiasa berusaha merosakkan kesucian peribadi wanita muslimah.

## Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid. (1998). Gerakan Feminisme di Malaysia antara idealisme dan matlamat. *Dewan Budaya*. Bil 8, Jil 20. Hlm. 10-11.
- Abdul Karim, Fuad bin Abdul Karim. (2005). *al-Udwan ala al-mar'ah fi al-muktamar al-dawliyah*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Watoniah.
- Abdul Karim, Fuad bin Abdul Karim. (2009). *Qadhaya al-mar'ah*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Watoniah.
- al-Buty, Mohammad Said Ramadan. (1991). *Fiqh sirah al-nabawiyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- al-Silmy, Abd Rahim Somail. (2009). *Haqiqat al-libraliyah wa mawqif al-Islam minha*. Jedah: Markaz al-Ta'sil li al-Dirasat wa al-Buhuth.
- Hasan al-Banna. (2003). *Majmu'ah rasa'il*. Kaherah: Darul Salam  
[http://sitemaker.umich.edu/lesbian.history/lesbian\\_feminism](http://sitemaker.umich.edu/lesbian.history/lesbian_feminism)  
<http://www.amazingwomeninhistory.com/huda-shaarawi-egyptian-feminist/>  
<http://www.homocaust.org/>
- Muhamad Qutb. (2003). *Ma'rakah al-taqalid*. Kaherah: Dar al-Tauzi<sup>c</sup> wa al-Nasyr
- Muhamaed bin Abdullah al-Imam. (2001). *al-Mu'amarah al-kubra ala al-mar'ah al-muslimah*. Yaman: Dar al-Ma'bar.
- Muhammad Ariffin bin Ismail. (2012). *Gerakan Feminisme, Persamaan Gender dan pemahaman Agama*. Kuala Lumpur: Panel Jawatankuasa Pemikir Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Norsaleha Mohd. Salleh dan Abdullah Zaik Abd. Rahman. (2011). The Empowerment of Dakwah in Malaysia through the involvement of Islamic NGOs: a case study of Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). *Jurnal ILIM*. Bil. 4, 183-194
- Norsaleha Mohd. Salleh. (2010). Wanita mendepani cabaran social pasca moden. *Prosiding Konvensyen Wanita Islam Nasional*. 24 Julai 2010.
- Norsaleha Mohd. Salleh. (2015). Wanita dalam agenda Yahudi. Dlm Norbahiah Misran, Norsaleha Mohd Salleh, Zakiah Abd. Rahman dan Suriani Sudi (Pnyt.). *Wanita dan cabaran globalisasi*. Putrajaya: Konwanis Consultansy.
- Philip J. Adler. (2000). *World Civilisation*. Belmont: Warworth.
- Rafidah Hanim Mokhtar. (2015). Sejarah gerakan feminisma. Dlm Norbahiah Misran, Norsaleha Mohd Salleh, Zakiah Abd. Rahman dan Suriani Sudi (Pnyt.). *Wanita dan cabaran globalisasi*. Putrajaya: Konwanis Consultansy.

### **Author's Biography**

**Norsaleha Mohd. Salleh**, dilahirkan di Kuala Terengganu pada tahun 1966. Mendapat Diploma Usuluddin di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Degree Akidah dan Falsafah di Universiti al-Azhar, Mesir, Sarjana Usuluddin dan Falsafah di UKM dan Ph.D Pendidikan Islam di Fakulti Pendidikan, UKM. Merupakan Pensyarah Kanan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Sekarang memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. Terlibat dalam Pertubuhan NGO Islam, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) sebagai Ketua Wanita ISMA. Mengetuai Penyelidikan *Pemikiran Tidak Beragama Dalam Kalangan Belia Islam di Institusi Pengajian Tinggi Negeri Selangor* di bawah Geran Penyelidikan KUIS. Penulis buku *Mengapa Perlu Berduka* serta buku *Wanita dan Cabaran Globalisasi*. Pernah menjadi Kolumnis *Majalah IMAN* selama tiga tahun dan panel isu-isu kewanitaan dan kekeluargaan Akhbar Arus Perdana *Sinar Harian*. Menulis artikel dalam jurnal antarabangsa seperti *American Journal of Applied Sciences (AJAS)* dan *Mediterranean Journal of Social Sciences (MJSS)*. Beliau banyak menerima jemputan sebagai speaker dan membenteng kertas kerja isu-isu wanita, keluarga dan akidah dalam dan luar negara seperti di Mesir, Turki, Jordan, Australia dan Indonesia.